

Newspaper

Berita Harian

Date

24 December 2015

Kerajaan istiqamah bina perpaduan ikut sunah: PM

BH - 24/12/2015

» Transformasi menuju negara Islam maju bersendikan maqasid syariah

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, transformasi menuju negara Islam yang maju dan berpendapatan tinggi dengan wasatiah bersendikan maqasid syariah sebagai prinsip pentadbiran, serta Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan menjadi keutamaan kerajaan.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa istiqamah dan berusaha memakmurkan Malaysia bersandarkan sunah terpenting diwariskan Rasulullah SAW iaitu membina perpaduan.

"Semoga dengan barakah Maulidur Rasul dan komitmen perpaduan kita, Allah akan menjadikan Malaysia, negara yang menepati ciri-ciri seperti



“**Perasaan keumatan inilah asas sejati perpaduan, silaturahim dan ukhuwah Islamiah, manakala perpaduan pula teras kekuatan dan kemuliaan umat ini**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah Saba' ayat 15 yang bermaksud: "negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun," katanya dalam perutusan Maulidur Rasul 1437H yang disiarkan dalam blog NajibRazak.com, semalam.

Najib berkata, jasa dan pengorbanan Rasulullah SAW begitu besar kepada umat Islam dan Baginda bersama sahabat menanggung pelbagai kesusahan dan penderitaan dalam memartabatkan syiar dan syariat Islam serta membina ummah ini.

"Marilah kita panjatkan ke-

syukuran kepada Allah SWT kerana di atas rahmat-Nya pada 2015 ini, kita dapat menyambut Maulidur Rasul berganda. Pada 3 Januari yang lalu, kita menyambut Maulidur Rasul bagi tahun 1436H.

"Dan pada hari ini, 24 Disember kita meraikan sambutan Maulidur Rasul bagi tahun 1437H. Alhamdulillah," katanya.

Perdana Menteri berkata, ummah bukan merujuk kepada nama bagi satu kaum yang bermastautin di satu-satu tempat, sebaliknya berjuta-juta insan daripada pelbagai kaum yang tinggal di kawasan berlainan.

Perpaduan teras kekuatan
"Apabila mereka hidup harmoni dan bersatu-padu, maka jadilah mereka sebagai satu ummah. Perasaan keumatan inilah asas sejati perpaduan, silaturahim dan ukhuwah Islamiah, manakala perpaduan pula teras kekuatan dan kemuliaan umat ini.

"Justeru, penting kita hayati perpaduan dan terjemahkan ia dalam bentuk kesatuan kasih sayang dan tindakan praktikal. Bermula dengan unit asas seperti keluarga, kejiranan hatta ke peringkat negara malah antarabangsa," katanya.